

Transformasi Orang Melayu di Sarawak, 1830-an sehingga 1963: Dari Kesedaran Kebangsaan kepada Kesedaran Politik

The Transformation of the Malays in Sarawak, 1830s to 1963: From National Consciousness to Political Consciousness

HO HUI LING

*Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia*

Corresponding author: hohuilin@um.edu.my

Received: 07 August 2024

Accepted: 18 November 2024

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meneliti transformasi kesedaran dalam kalangan orang Melayu di Sarawak dari tahun 1830-an sehingga 1963. Kajian ini disempurnakan berdasarkan kaedah kepustakaan dan arkib, menggunakan sumber primer seperti dokumen British, laporan, warta kerajaan dan akhbar. Sumber sekunder termasuk buku dan artikel juga dirujuk. Kemunculan kesedaran kebangsaan dalam kalangan orang Melayu di Sarawak dapat dikesan dengan wujudnya gerakan penentangan penduduk tempatan terhadap wakil pemerintahan Brunei pada 1830-an dan penentangan orang Melayu terhadap dasar pemerintahan Brooke sejak tahun 1850-an. Reaksi penentangan mereka lebih menjurus kepada mempertahankan kepentingan kaum demi kelangsungan hidup dan memelihara hak mereka sebagai penduduk Sarawak. Seterusnya perkembangan pendidikan telah meningkatkan lagi kesedaran dalam kalangan penduduk Melayu melalui sekolah Melayu dan peluang pendidikan. Kegiatan sosial seperti kewujudan pertubuhan di Tanah Melayu pada lewat abad ke-19 dan awal abad ke-20 turut menggerakkan penubuhan pertubuhan keagamaan serta kesusasteraan di Sarawak. Kesedaran kebangsaan dalam kalangan penduduk Melayu berkembang dengan lebih pesat berikutan penerbitan akhbar *Fajar Sarawak* pada 1930-an. Perkembangan ini seterusnya membawa kepada pembentukan pertubuhan Melayu bagi menyatukan orang Melayu dan memelihara kepentingan mereka di Sarawak. Selepas zaman pendudukan Jepun, bangkit pula isu penyerahan Sarawak kepada British yang menandakan bermula kesedaran politik dan juga perjuangan orang Melayu mempertahankan kemerdekaan negeri mereka. Seterusnya, perkembangan politik dan pilihan raya di Sarawak pada tahun 1950-an dan awal 1960-an pula memperlihatkan dengan lebih jelas lagi kesedaran politik yang kemudian dijemahkan ke dalam gerakan politik berparti dan kemudian perjuangan kemerdekaan Sarawak daripada penjajahan. Dengan itu dapat dilihat telah berlaku transformasi kesedaran dalam kalangan orang Melayu dari kesedaran kebangsaan kepada kesedaran politik. Daripada perbincangan juga dapat dilihat walaupun orang Melayu bukan penduduk teramai tetapi mereka memainkan peranan yang penting dalam perkembangan politik di Sarawak.

Kata kunci: Orang Melayu; Kemerdekaan Sarawak; Kesedaran Kebangsaan; Kesedaran Politik; Parti Politik

Abstract

This study aims to examine the transformation of consciousness among the Malays in Sarawak from the 1830s until 1963. The study is completed based on literature and archival methods, utilizing primary sources such as British documents, reports, government official publications and newspapers. Secondary sources including books and articles are also referenced. The emergence of national consciousness among the Malays in Sarawak can be traced back to the presence of local resistance movements against the representatives of the Brunei government in the 1830s and the Malays' opposition to the Brooke administration's policies since the 1850s. Their resistance was primarily aimed at defending ethnic interests for survival and preserving their rights as residents of Sarawak. Furthermore, the development of education has enhanced awareness among the Malay population through Malay schools and educational opportunities. Social activities, such as the establishment of organizations in Malaya in the late 19th and early 20th centuries, also spurred the formation of religious and literary organizations in Sarawak. National consciousness among the Malay population developed more rapidly following the publication of the Fajar Sarawak newspaper in the 1930s. This development subsequently led to the formation of Malay organizations to unite the Malays and safeguard their interests in Sarawak. After the Japanese occupation, the issue of Sarawak's surrender to the British emerged, marking the beginning of political awareness and the struggle of the Malays to defend their state's independence. Additionally, political developments and elections in Sarawak during the 1950s and early 1960s further highlighted the political consciousness that was later translated into political party movements and the subsequent struggle for Sarawak's independence from colonial rule. Thus, it can be seen that there has been a transformation of consciousness among the Malays from national consciousness to political awareness. From the discussion, it is also evident that although the Malays are not the majority population, they played a significant role in the political development in Sarawak.

Keywords: Malays; Sarawak's Independence; National Consciousness; Political Consciousness; Political Parties

Pengenalan

Negeri Sarawak mempunyai penduduk berbilang kaum, iaitu orang Dayak, Cina, Melayu dan Bumiputera lain. Kepelbagaian penduduk mempengaruhi perkembangan kesedaran kebangsaan dan politik serta kemudian gerakan politik yang berlaku di Sarawak. Sarawak berada di bawah kekuasaan Kesultanan Brunei sebelum kedatangan James Brooke pada tahun 1841. Seterusnya, Raja Brooke berjaya menegakkan kekuasaan di negeri Sarawak dari tahun 1841 sehingga 1941, bermula dengan pemerintahan James Brooke, diikuti oleh Charles Brooke dan kemudian Charles Vyner Brooke. Pemerintahan Brooke berakhir apabila Sarawak diserang dan ditakluki oleh tentera Jepun dari tahun 1941 sehingga 1945. Selepas Jepun menyerah kalah, Raja Brooke yang ketiga, iaitu Vyner Brooke mengambil keputusan untuk menyerahkan pentadbiran Sarawak kepada kerajaan British pada tahun 1946. Dengan itu, negeri Sarawak menjadi tanah jajahan mahkota British pada 1 Julai 1946 sehinggalah Persekutuan Malaysia dibentuk pada 16 September 1963. Melalui Persekutuan Malaysia, Sarawak mencapai kemerdekaan dan menjadi sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia bersama-sama dengan Tanah Melayu, Singapura dan Sabah.

Makalah ini bertujuan untuk meneliti perkembangan kesedaran kebangsaan dan kesedaran politik sehingga munculnya gerakan politik berparti dalam kalangan penduduk Melayu di Sarawak dari tahun 1830-an sehingga Sarawak mencapai kemerdekaan melalui Persekutuan Malaysia pada 16

September 1963. Kesedaran kebangsaan dalam kalangan penduduk Melayu di Sarawak muncul sejak pertengahan abad ke-19 dengan bermulanya gerakan penentangan penduduk tempatan terhadap wakil pemerintahan Brunei dan kemudian pemerintahan Raja Brooke. Kesedaran ini menjadi semakin nyata bermula pada tahun 1930-an yang seterusnya berkembang menjadi kesedaran politik pasca zaman pendudukan Jepun. Ini membawa kepada kemunculan gerakan menubuhkan parti politik pada lewat 1950-an dan awal 1960-an serta perjuangan ke arah mencapai kemerdekaan Sarawak pada tahun 1963.

Orang Melayu di Sarawak

Sarawak adalah sebuah negeri yang mempunyai masyarakat berbilang kaum dan budaya. Umumnya, terdapat lebih daripada 30 suku kaum dengan kepercayaan, adat, budaya, agama dan cara hidup yang berbeza di Sarawak. Mereka hidup di bawah satu unit pentadbiran yang sama. Secara keseluruhannya penduduk Sarawak boleh dibahagikan kepada dua kumpulan yang besar iaitu penduduk Bumiputera dan penduduk bukan Bumiputera. Penduduk Bumiputera pula boleh dibahagikan lagi kepada dua kumpulan, iaitu Bumiputera yang beragama Islam termasuklah orang Melayu, orang Kedayan dan orang Melanau. Manakala penduduk Bumiputera bukan beragama Islam merujuk kepada masyarakat Dayak dan Bumiputera lain. Sementara itu, golongan bukan Bumiputera pula terdiri daripada orang Cina, orang Eropah dan lain-lain kaum.¹ Daripada itu, orang Melayu membentuk kumpulan penduduk yang ketiga terbesar di Sarawak selepas orang Iban (Dayak Laut) dan orang Cina. Keadaan ini dapat dilihat melalui Jadual 1 yang menunjukkan orang Melayu merupakan jumlah penduduk yang ketiga teramai di Sarawak baik sebelum Perang Dunia Kedua, selepas Perang mahupun selepas Sarawak mencapai kemerdekaan. Mereka merangkumi antara 17 hingga 19 peratus daripada jumlah penduduk di Sarawak dalam tempoh 1939 hingga 1970 sebagaimana yang dapat dilihat dalam Jadual 1.

Jadual 1: Penduduk di Sarawak, 1939-1970

Tahun/Kaum	1939 (orang)	1947 (orang)	1960 (orang)	1962 (orang)	1970 (orang)
Iban	167,700	190,326	237,741	241,544	302,984
Cina	123,626	145,158	229,154	244,435	294,020
Melayu	92,709	97,469	129,300	136,232	182,709
Bidayuh	36,965	42,195	57,619	60,890	83,276
Melanau	36,774	35,560	44,661	45,976	53,234
Bumiputera Lain	27,534	29,867	37,931	39,262	49,960
Eropah	709	691	1,631	1,737	9,735
Lain-lain Kaum	4,579	5,119	6,492	6,914	
Jumlah	490,596	546,385	744,529	776,990	975,918

Sumber: *Banci Perumahan dan Penduduk-Golongan Masyarakat Malaysia (1970)*, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1970; L.W. Jones, *The Population of Borneo*, University of London, The Athlone Press, London, 1966, hlm. 63; *Sarawak Annual Report 1962*, Government Printing Office, Kuching, 1963, hlm. 11; L.W. Jones, *Report on the Census of Population Taken on 15 June 1960*, Government Printing Office, Kuching, 1962, hlm. 59; *Annual Statistical Bulletin Sarawak 1972*, Government Printing Office, Kuching, 1973, hlm. 9; Lee Yong Leng, *Population and Settlement in Sarawak*, Asia Pacific Press, Singapore, 1970, hlm. 40.

Asal-usul orang Melayu di Sarawak masih kurang jelas dan penuh kontroversi. Terdapat pengkaji yang menyatakan bahawa mereka datang dari Sumatera, Jawa dan Tanah Melayu serta pulau lain di Kepulauan Melayu. Sementara itu, ada juga menyatakan mereka adalah penduduk asal di Sarawak atau keturunan pedagang dan pendakwah Arab yang masuk ke negeri itu selepas kejatuhan empayar Majapahit.² Selain itu, juga dikatakan apabila Kesultanan Brunei menerima agama Islam sebagai agama utama, ramai orang Iban, Bidayuh dan Melanau memeluk agama Islam yang dikenali sebagai “masuk Melayu”. Mereka kemudian menjadi golongan dominan dalam masyarakat Melayu dan dianggap sebagai orang Melayu pada pandangan masyarakat tempatan.³ Dengan itu, timbullah pendapat yang mengatakan orang Melayu berasal daripada kaum Dayak yang kemudian memeluk Islam.⁴ Memandangkan itu, kajian terhadap asal-usul orang Melayu di Sarawak masih boleh diteliti dengan lebih lanjut lagi.

Umumnya, orang Melayu merupakan penduduk Bumiputera Islam di Sarawak di samping sebahagian orang Melanau yang beragama Islam dan orang Kedayan. Kebanyakan daripada orang Melayu Sarawak tinggal di lembah dan kuala sungai serta kawasan pesisiran pantai. Penempatan orang Melayu tertumpu di kawasan barat daya Sungai Sarawak iaitu kira-kira sebatu dari Gunung Santubong.⁵ Masyarakat Melayu menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi seperti berdagang, menangkap ikan, membuat perahu, menanam padi sawah, getah dan kelapa. Walau bagaimanapun, terdapat juga segelintir daripada mereka mengumpul daun nipah dan membuat atap nipah serta memungut hasil hutan. Sehingga tahun 1970-an, hampir separuh daripada orang Melayu tinggal di barat daya Bahagian Pertama Sarawak (Kuching), dan yang lain terdapat di Bahagian Kedua Sarawak, Bahagian Ketiga Sarawak (di sekitar Rajang) serta Bahagian Kelima Sarawak (di Limbang dan Lawas) yang bersempadan dengan Brunei.⁶ Selain itu, dalam masyarakat Melayu di Sarawak, terdapat juga sekumpulan orang Melayu Brunei yang sebilangan besarnya mendiami kawasan sekitar Teluk Brunei, Mukah, Samarahan, Saribas, Kuching sehingga jauh di pedalaman di Belaga dan Marudi.⁷

Walaupun orang Melayu bukanlah penduduk majoriti di Sarawak, namun mereka mempunyai kedudukan yang penting dalam masyarakat Sarawak sejak zaman pemerintahan Brunei di Sarawak sehingga kini. Mereka adalah penduduk asal tempatan yang dipandang berat oleh pemerintah Brunei dan diambil sebagai pembesar untuk membantu menjalankan pentadbiran di Sarawak. Mereka dilantik sebagai Datu Patinggi, Datu Bandar dan Datu Temenggung oleh Sultan Brunei bagi menguruskan hal pentadbiran di Sarawak bagi pihak Brunei. Peranan mereka turut diberi perhatian oleh Raja Brooke apabila Sarawak berjaya dikuasainya bermula tahun 1841. Seterusnya ketika Sarawak berada di bawah pentadbiran British sehingga Sarawak mencapai kemerdekaan pada tahun 1963, pembesar atau pemimpin Melayu memainkan peranan sebagai kakitangan kerajaan bagi membantu menggerakkan pentadbiran British di Sarawak. Penglibatan dan pengalaman orang Melayu dalam pentadbiran menyumbang kepada kesedaran kebangsaan serta politik dalam kalangan mereka. Kesedaran dan semangat yang wujud dalam kalangan orang Melayu Sarawak itu kemudian dijemakan menjadi gerakan kebangsaan serta gerakan politik bagi memperjuangkan kepentingan kaum secara khususnya dan kepentingan negeri Sarawak secara umumnya.

Kemunculan Kesedaran Kebangsaan

Kesedaran kebangsaan dalam kalangan penduduk Melayu di Sarawak dapat dikesan ketika Sarawak masih di bawah kekuasaan Kesultanan Brunei (sebelum tahun 1841). Pada awalnya,

pembesar-pembesar tempatan Sarawak dilantik oleh Sultan Brunei untuk mentadbir Sarawak (Sarawak Asal) bagi pihak Brunei. Tiga orang pembesar tempatan yang dilantik ialah Datu Patinggi, Datu Bandar dan Datu Temenggung yang masing-masing ditugaskan untuk menguruskan pentadbiran, mengawal perdagangan di pelabuhan serta mengutip cukai dan menjaga keamanan serta keselamatan di Sarawak. Mereka menjadi pentadbir dalam masyarakat tradisional Melayu Sarawak. Namun demikian, pada tahun 1820-an berikutan penemuan galian antimoni dan emas di Sarawak telah menjadikannya sebuah kawasan yang makmur. Dengan itu, Brunei ingin menguasai kekayaan Sarawak. Pada tahun 1836, Sultan Brunei menghantar seorang wakil dari Brunei, iaitu Pengiran Indera Mahkota Muhammad Salleh untuk mentadbir Sarawak dan mengutip cukai. Bagaimanapun, dasar pentadbiran Pengiran Indera Mahkota menimbulkan rasa tidak puas hati penduduk dan pembesar tempatan di Sarawak kerana kehadiran wakil Brunei itu dilihat telah merampas kuasa tradisi dan penguasaan ekonomi pembesar Melayu Sarawak. Di bawah Pengiran Indera Mahkota juga dasar kekerasan dan penindasan terhadap penduduk tempatan (orang Bidayuh) turut dijalankan dalam menguasai kekayaan ekonomi Sarawak. Orang Bidayuh bekerja sebagai pelombong antimoni dan mereka dikerah untuk bekerja keras di lombong oleh Pengiran Indera Mahkota. Keadaan itu menyebabkan berlakunya gerakan penentangan daripada penduduk Sarawak yang diketuai oleh seorang pembesar tempatan, Datu Patinggi Ali dengan disertai oleh orang Bidayuh yang tidak puas hati terhadap penindasan Pengiran Indera Mahkota dan pengikutnya. Mereka menyerang dan membakar tempat kediaman Pengiran Indera Mahkota serta pengikutnya. Penentangan itu dikenali sebagai Pemberontakan Sarawak yang berlaku pada tahun 1836 sehingga 1840. Pemberontakan Sarawak itu hanya dapat diselesaikan dengan penglibatan James Brooke dan angkatannya. Berikutnya, James Brooke dilantik sebagai Gabenor Sarawak dengan gelaran Raja Sarawak pada tahun 1841.⁸ Dengan itu, bermulalah zaman pemerintahan Raja Brooke di Sarawak. Peristiwa tersebut menunjukkan masyarakat tempatan di Sarawak pada ketika itu telah sedar tentang kuasa politik pembesar dan kepentingan ekonomi mereka tergugat di bawah pentadbiran wakil Sultan Brunei. Kesedaran yang lahir itu seterusnya menyebabkan berlaku gerakan penentangan terhadap pentadbiran Brunei di Sarawak.

Begitu juga, setelah James Brooke berjaya menegakkan kekuasaannya di Sarawak, dasar pentadbiran James Brooke menjejaskan kedudukan dan pengaruh serta kuasa tradisi pembesar-pembesar Melayu tempatan (Datu-Datu Melayu). Mereka kehilangan pengaruh sebagai ketua pentadbir, pemungut cukai dan kuasa tradisi untuk melantik ketua kampung. Pada tahun 1853, James Brooke menghapuskan kuasa pembesar untuk melantik ketua kampung. Pada masa yang sama, James Brooke melaksanakan dasar peluasan kuasa dengan membina kubu pertahanannya di beberapa batang sungai di Sarawak, iaitu Sungai Samarahan, Batang Lupar, Batang Sadong, Sungai Skrang, Sungai Kalaka, Sungai Saribas dan Sungai Rajang. Dasar peluasan itu menjejaskan kekuasaan pembesar tempatan di situ, antaranya Syarif Masahor, seorang gabenor Brunei di Sarikei. Perkembangan itu membawa kepada berlakunya gerakan penentangan orang Melayu terhadap pemerintahan Brooke pada tahun 1853 yang dikenali sebagai Pakatan Melayu (juga dikenali Komplot Melayu). Penentangan itu diketuai oleh dua orang pembesar Melayu, iaitu Datu Patinggi Abdul Ghapur dan Syarif Masahor. Mereka membuat pakatan untuk menghapuskan kekuasaan Raja Brooke di Sarawak, iaitu bagi menamatkan pentadbiran James Brooke. Mereka melakukan serangan serentak ke atas pusat pentadbiran Raja Brooke di Kuching. Datu Patinggi menyerang dari Kuching dan Syarif Masahor pula membawa angkatannya dari Sarikei menuju ke Kuching. Bagaimanapun, rancangan mereka tidak berjaya dan dapat disekat oleh Raja Brooke. Kapal-kapal Syarif

Masahor ditenggelamkan oleh angkatan Brooke. Penentangan itu berakhir pada 1861 dengan Syarif Masahor dibuang negeri ke Singapura dan Datu Patinggi dibuang ke Batavia⁹ (Jakarta pada hari ini). Kedua-dua tokoh kepimpinan Melayu tersebut akhirnya disingkirkan daripada Sarawak. Mereka tidak rela dijajah oleh kuasa Brooke dan juga tidak suka akan tindakan Raja Brooke yang cuba mencabar pengaruh orang Melayu dalam pentadbiran serta kedaulatan Sarawak.¹⁰ Daripada peristiwa penentangan tersebut dapat dilihat kebangkitan orang Melayu yang tidak berpuas hati terhadap tindakan pemerintahan Brooke. Rasa tidak puas hati itu muncul berikutan kesedaran orang Melayu tentang kehadiran Raja Brooke telah mengugat kedudukan dan pengaruh pembesar Melayu dalam pentadbiran negeri mereka.

Seterusnya kesedaran kebangsaan dalam kalangan penduduk di Sarawak semakin berkembang ekoran daripada peluang pendidikan yang wujud di Sarawak. Meskipun, perkembangan pendidikan agak perlahan di bawah pemerintahan Raja Brooke, tetapi telah wujud pendidikan pelbagai aliran sejak tahun 1850-an. Sekolah Melayu, antaranya Sekolah Enche Buyong dibuka di Kuching (1850), sekolah Abang Kassim (1883), Sekolah Kampung Gersik (1894), Sekolah Merpati Jepang (1930), Madrasah Melayu Sarawak (1930) dan Sekolah Permaisuri (1930).¹¹ Perkembangan Pendidikan formal itu akhirnya melahirkan golongan intelektual Melayu Sarawak pada tahun 1930-an. Secara langsung atau tidak langsung proses pembelajaran di sekolah turut meletakkan asas permulaan kepada kemunculan kesedaran dalam kalangan penduduk di Sarawak apabila lahirnya golongan berpendidikan yang mampu berfikir dan membuat pertimbangan yang lebih wajar terhadap perubahan di sekitar mereka. Golongan ini juga menjadi penggerak kepada kesedaran tentang kemunduran dan kekurangan dalam kehidupan masyarakat Melayu di Sarawak di bawah pentadbiran Brooke.

Seterusnya pada awal abad ke-20, kesedaran kebangsaan dalam kalangan penduduk Sarawak menjadi semakin jelas apabila idea reformis Islam dari Tanah Melayu meresap ke negeri Sarawak. Akhbar dan majalah reformis Kaum Muda turut tersebar ke Sarawak seperti majalah *al-Imam*, *Saudara*, *Seruan Azhar*, *Pilihan Timor* dan *Semangat Islam*. Reaksi golongan terpelajar Melayu dapat dilihat melalui penubuhan pertubuhan keagamaan, iaitu Darul Ihsan pada tahun 1914 dan Darul Ikhwan pada tahun 1915 di Kuching. Seterusnya, pada tahun 1936, Persatuan Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM) cawangan Kuching turut dibentuk. PASPAM cawangan Kuching dianggotai oleh seramai 80 orang dengan diketuai oleh Datu Amar Abang Sulaiman. Cawangan PASPAM kemudian juga ditubuhkan di kawasan lain di Sarawak seperti di Sibu, Miri dan Lutong. Melalui akhbar, majalah dan pertubuhan keagamaan serta kesusasteraan, pemikiran dan perjuangan golongan nasionalis dari Tanah Melayu turut tersebar dalam kalangan pemuda Melayu di Sarawak.¹² Dengan itu, perkembangan di kawasan sekitar Sarawak turut menyumbang kepada peningkatan kesedaran kebangsaan dalam kalangan orang Melayu di Sarawak.

Sementara itu, kesedaran kebangsaan dalam kalangan penduduk Melayu Sarawak menjadi semakin nyata pada tahun 1930-an. Gerakan kesedaran itu dapat dilihat melalui pemikiran dan perjuangan akhbar *Fajar Sarawak* yang diterbitkan pada 1 Februari 1930.¹³ Gerakan kesedaran kebangsaan diketuai oleh Mohammad Rakawi Yusuf yang mengasaskan *Fajar Sarawak*. Golongan gerakan kesedaran itu berusaha untuk membangkitkan kesedaran orang Melayu tentang penjajahan Brooke di negeri Sarawak dan Raja Brooke adalah penjajah yang berusaha untuk meluaskan pengaruh British di negeri mereka. Golongan berpendidikan ini juga menyeru pemimpin Melayu agar memperjuangkan hak dan nasib bangsa Melayu serta bukan hanya berpuas hati dengan kekayaan dan kemewahan mereka. Begitu juga, seruan kepada orang Melayu supaya bersatu dalam menghadapi cabaran arus kemajuan dan ancaman bangsa asing di negeri mereka. Gerakan tersebut juga cuba menyedarkan masyarakat Melayu tentang kemunduran mereka dari segi ekonomi dengan mengkritik perkembangan ekonomi di

negeri Sarawak yang hanya menguntungkan orang Cina dan Eropah. Selain itu, melalui *Fajar Sarawak*, golongan Melayu berpendidikan juga cuba menyedarkan orang Melayu tentang pentingnya pendidikan yang mana ketinggian ilmu pengetahuan dapat menentukan nasib dan masa depan mereka.¹⁴ Pemikiran dan perjuangan *Fajar Sarawak* telah meningkatkan kesedaran kebangsaan serta mendorong kepada gerakan kebangsaan dalam kalangan orang Melayu bagi memperbaiki kehidupan dan memajukan masyarakat Melayu Sarawak.

Perkembangan itu akhirnya membawa kepada penubuhan persatuan Melayu di Sarawak, iaitu Persatuan Melayu Sarawak (PMS) pada tahun 1937. Persatuan ini ditubuhkan oleh sekumpulan orang Melayu yang sedar tentang pentingnya membela nasib dan masa depan kaumnya dalam semua aspek kehidupan di Sarawak. PMS didaftarkan dengan kerajaan pada tahun 1939. Pemimpin PMS yang pertama ialah Datuk Amar Abang Sulaiman bin Abang Taha Sahdan dengan empat orang timbalannya iaitu Tuan Haji Bolhassan bin Haji Daud, Tuan Haji Abdul Rahman Haji Kassim, Tuan Haji Ali bin Hossen dan Tuan Haji Kawi bin Saed. Penaung PMS pula ialah Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah bin Datuk Bandar Kassim.¹⁵ PMS ditubuhkan sebagai pertubuhan untuk menyatukan orang Melayu bagi mempertahankan kepentingan dan hak kaum Bumiputera di Sarawak. Ini dapat dilihat melalui empat tujuan penubuhannya iaitu untuk menyatupadukan orang Melayu dan bekerjasama untuk kemajuan mereka; menggalakkan dan meningkatkan ekonomi, pelajaran, kebudayaan serta Bahasa Melayu; memelihara dan menjaga serta meluaskan Syiar Agama Islam dan bertindak untuk mewakili orang Melayu dengan kerajaan.¹⁶

PMS sentiasa berhubung dengan persatuan-persatuan Melayu di Tanah Melayu. Ini dapat dilihat ketika Kongres Melayu SeMalaya kedua yang diadakan di Singapura pada 24-25 Disember 1940, PMS menghantar wakilnya ke Kongres berkenaan. Wakil yang dihantar terdiri daripada Abang Haji Zaini, Johari Anang, Haji Bolhassan Daud dan Ma'amon Mohd Nor.¹⁷ Bagaimanapun, PMS diharamkan semasa pendudukan Jepun di Sarawak kerana dikhuatiri akan menggugat pentadbiran Jepun. Selepas zaman Jepun berakhir, PMS muncul semula dengan menukar namanya kepada Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS) dan mengubah arah perjuangan dari pertubuhan sosial kebajikan kepada pertubuhan yang bercorak politik selaras dengan perubahan politik semasa yang berlaku. Kemunculan semula pertubuhan ini selepas zaman Jepun merupakan satu perkembangan yang penting dalam sejarah PKMS dan sejarah Sarawak. Ini kerana PKMS menjadi penggerak dan pemimpin kepada gerakan antipenyerahan Sarawak yang berlaku pada tahun 1946-1947. Dengan itu adalah jelas bahawa kemunculan PKMS dan ditambah lagi dengan keperitan hidup pada zaman Jepun akhirnya mendorong kepada perubahan kesedaran kebangsaan kepada kesedaran politik dalam kalangan penduduk Melayu di Sarawak.

Sarawak seperti negara lain di Asia Tenggara juga tidak terlepas daripada serangan dan penaklukan tentera Jepun. Pada zaman pendudukan Jepun di Sarawak (1941-1945), penduduknya berdepan dengan pelbagai kesusahan dan kekurangan dalam kehidupan mereka selain ketakutan terhadap kekejaman tentera Jepun. Di pihak pentadbiran Jepun, mereka menghadapi kekurangan tenaga kerja dalam membantu pentadbiran tenteranya di Sarawak. Dengan itu, pentadbiran Jepun melantik penduduk tempatan untuk memegang jawatan pentadbiran bagi menggantikan jawatan yang ditinggalkan oleh pegawai British di Sarawak seperti jawatan pegawai daerah. Selain itu, Jepun juga membentuk *ken-sanji-kai* (majlis penasihat) yang mengandungi keanggotaan yang diambil dalam kalangan penduduk tempatan untuk memberi nasihat kepada pentadbiran Jepun. Antaranya, Datu Amar Abang Haji Sulaiman, Datu Pahlawan Abang Haji Mustapha Haji Moasili, Tuanku Bujang bin Tuanku Osman, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah, Charles Mason dan Philip Jitam, serta beberapa

pemimpin Cina seperti Ong Tiang Swee, Ong Kuan Hin dan Lee Wing Thong pernah dilantik sebagai *ken-sanji* (ahli majlis).¹⁸ Dalam hal ini, beberapa pemimpin Melayu juga diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam membantu urusan pentadbiran negeri mereka di bawah pentadbiran Jepun. Walaupun penglibatan mereka dalam pentadbiran hanya setakat tiga tahun lapan bulan sahaja, namun ini memberi peluang dan pengalaman pentadbiran yang penting kepada mereka. Pengalaman dan penglibatan pemimpin masyarakat tempatan dalam pentadbiran Jepun telah memberi kesedaran politik dan mendorong penglibatan mereka dalam perkembangan politik di Sarawak seterusnya.

Gerakan AntipenyERAHAN Sarawak dan Kemunculan Kesedaran Politik

Selepas Perang Dunia Kedua, Raja Vyner Brooke mengambil keputusan untuk menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British pada tahun 1946. Bagi pihak British, perubahan status politik yang berlaku di Sarawak hanya berbentuk luaran sahaja dan bukan untuk merampas kepentingan politik serta ekonomi daripada penduduk. Malahan bagi British, di bawah pentadbirannya, Sarawak dapat menikmati kedudukan politik yang lebih kukuh dan ekonomi yang berkembang.¹⁹ Bagaimanapun, penyerahan negeri Sarawak menjadi tanah jajahan mahkota British pada 1 Julai 1946 telah menimbulkan kesedaran politik dan gerakan antipenyERAHAN di negeri itu. Gerakan penentangan tersebut diketuai oleh Datu Patinggi Abang Abdillah dari PKMS. PKMS berasal daripada PMS yang ditubuhkan pada tahun 1939. PKMS dipengerusikan oleh Abang Haji Zaini dengan Abang Haji Openg sebagai timbalannya. PKMS mendakwa mempunyai seramai 24,500 orang ahli berdaftar di Sarawak. Sebahagian besar daripada kumpulan ini inginkan Sarawak menjadi negeri merdeka di bawah pentadbiran Raja Brooke. Ini kerana penyerahan Sarawak kepada British menandakan penghapusan keunggulan politik orang Melayu di bawah pentadbiran Brooke. Sementara itu, penduduk yang lain pula mahukan Sarawak berkerajaan sendiri sebagaimana yang dijanjikan dalam Perlembagaan Sarawak tahun 1941. Perlembagaan Sarawak diperkenalkan oleh Vyner Brooke pada September 1941 sempena meraikan ulang tahun ke-100 pentadbiran Brooke di Sarawak. Dalam perlembagaan itu, Vyner Brooke menjanjikan hak berkerajaan sendiri kepada penduduk Sarawak.²⁰

Gerakan AntipenyERAHAN turut mendapat sokongan daripada Barisan Pemuda Sarawak (BPS) di Kuching dan juga Pergerakan Pemuda Melayu (PPM) di Sibu. Barisan Pemuda Sarawak (BPS) dibentuk di Kuching pada Jun 1947 oleh elit Melayu muda. Sebagaimana namanya, pertubuhan ini merupakan sebuah pertubuhan golongan pemuda. Mereka berpendapat PKMS sebagai sebuah pertubuhan orang tua yang konservatif, pasif dan menimbulkan kecurigaan kepada penyokongnya. Oleh itu, BPS berusaha untuk memperoleh sokongan bukan sahaja dalam kalangan pemuda Melayu sahaja tetapi juga pemuda Dayak. Presiden BPS ialah Abang Mohd. Kassim Taha dengan Tuan Hj. Mohd. Ma'amon bin Nor, Sharkawi bin Haji Osman dan Johari Bojeng sebagai Timbalan Presiden. Setiausaha Umumnya ialah Haji Su'ut Tahir dan Suhaily bin Matlayeir sebagai Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Politik.²¹ Keahlian BPS dihadkan khususnya kepada penduduk Bumiputera. Umumnya objektif politik BPS ialah untuk memperjuangkan dan menjaga kepentingan penduduk Bumiputera.²² Walaupun Presidennya, Abang Mohd. Kassim Taha, mengekalkan hubungan dengan elit Melayu tradisional, tetapi semua jawatan penting dipegang oleh pemuda Melayu terpelajar yang tiada sebarang kaitan dengan golongan aristokrat. BPS mendakwa mempunyai 3,000 orang ahli aktif dan 2,000 orang penyokong di Bahagian Pertama Sarawak (Kuching). Walaupun BPS kurang berpuas hati dengan kepimpinan PKMS, namun ia masih

bekerjasama rapat dengan PKMS di samping *Sarawak Dayak Association (SDA)*²³ dalam gerakan antipenyerahan.²⁴ Ini menunjukkan kesedaran pemuda Melayu Sarawak yang bersedia untuk memperjuangkan kepentingan bangsa dan negeri mereka.

Sementara itu, Pergerakan Pemuda Melayu (PPM) ditubuhkan oleh orang Melayu di Sibul, Bahagian Ketiga Sarawak pada tahun 1946. Sibul merupakan kawasan yang paling aktif dalam gerakan antipenyerahan walaupun gerakan itu bermula di Kuching. Penubuhan PPM adalah atas inisiatif Abang Han, Sirat Haji Yaman dan Awang Rambli. Dalam perjuangannya, PPM diketuai oleh Sirat Haji Yaman (Presiden), Awang Rambli (Setiausaha Umum), Mohamad Abet (Bendahari) dan Abang Han (Pustakawan). Ahli-ahlinya terdiri daripada golongan pemuda Melayu dan Melanau dari Bahagian Ketiga Sarawak. Di bawah pimpinan Awang Rambli, PPM menjadi sebuah pertubuhan antipenyerahan yang kuat dan mempunyai pengaruh yang luas. Pertubuhan ini mendakwa mempunyai ahli seramai 30,000 orang dan cawangannya ditubuhkan di Kanowit, Song, Kapit, Belaga, Binatang, Sarikei, Matu, Daro, Igan, Dalat, Oya dan Mukah di Bahagian Ketiga Sarawak.²⁵ Jeniri Amir dalam bukunya *Rosli Dhoby Merdeka Dengan Darah* menyatakan terdapat 32 cawangan PPM di seluruh Bahagian Ketiga.²⁶ PPM bekerjasama rapat dengan BPS yang berpusat di Kuching dan mengekalkan hubungan mesra dengan PKMS dalam gerakan antipenyerahan Sarawak. Justeru, dapat dilihat semangat dan kesediaan golongan pemuda Melayu di kawasan Rajang (Bahagian Ketiga) ini dalam perjuangan mempertahankan status negeri Sarawak daripada dicabuli oleh pihak penjajah. Dari situ juga dapat dilihat kesedaran politik sedang berkembang dengan pesat dalam kalangan pemuda Melayu di Sarawak.

Golongan antipenyerahan mengadakan tunjuk perasaan sebagai memprotes tindakan Raja Brooke menyerahkan negeri Sarawak kepada kerajaan British. Mereka menganggap tindakan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British itu telah melanggar Perlembagaan Sarawak 1941 yang menjanjikan hak berkerajaan sendiri kepada penduduk. Golongan Melayu Sarawak yakin Raja Brooke akan menyerahkan pentadbiran Sarawak kepada penduduk negeri Sarawak sendiri. Dalam kata lain, golongan antipenyerahan ingin mendapat kemerdekaan Sarawak dan bukan pemindahan pentadbiran Sarawak kepada kuasa British. Mereka melakukan pelbagai aktiviti seperti memulaukan hari penyerahan Sarawak dan menyeru pegawai kerajaan meletak jawatan secara beramai-ramai. Mereka juga mengadakan perhimpunan raksasa dan menghantar memorandun kepada pejabat tanah jajahan sebagai protes terhadap tindakan kerajaan British yang mengambil alih pentadbiran negeri Sarawak. Di antara tahun 1946 dan awal 1947, terdapat 52 buah pertubuhan yang menyokong gerakan antipenyerahan muncul di seluruh negeri Sarawak. Pertubuhan itu seperti BPS, PPM, Persatuan Bumiputera Sarawak (PBS), Kaum Ibu PKMS, Kaum Ibu PPM, Persatuan Melayu Miri, Persatuan Melayu Limbang, Perhimpunan Kebajikan Awam, Kesetiaan Kaum Muda Matu, Kesetiaan Melayu Simanggang, Kesetiaan Kelab Dalat, Sulam Mas Seria, Kesatuan Melayu Melanau Mukah (KMMM), Angkatan Semangat Anak Sarawak (ASAS), Angkatan Bintawa-Astana Sarawak (ABAS), United Sarawak National Association (USNA) dan lain-lain lagi.²⁷ Gerakan orang Melayu melalui pertubuhan tersebut dengan disertai oleh orang Iban di bawah Sarawak Dayak Association (SDA) di bawah Philip Jitam menghangatkan semangat penentangan penduduk Sarawak terhadap penjajah British pada ketika itu. Kewujudan pertubuhan itu menunjukkan semangat berkobar-kobar telah lahir dalam kalangan penduduk Bumiputera Sarawak untuk menentang British yang ingin mengambil alih pentadbiran Sarawak. Ini kerana tindakan British itu boleh menyebabkan Sarawak kehilangan kebebasan dan kemerdekaan.

Walaupun bagaimanapun, bukanlah semua orang Melayu dan Bumiputera lain menentang penyerahan Sarawak. Abang Haji Mustapha, contohnya, mempunyai pendapat yang bertentangan dengan kumpulan orang Melayu di bawah PKMS. Beliau menyatakan bahawa walaupun Sarawak adalah sebuah negeri yang tenteram; namun pendidikan, industri dan pertanian adalah kurang maju. Beliau percaya bahawa pembinaan semula Sarawak adalah diperlukan dan ini memerlukan sokongan dari sebuah negara besar, seperti Britain. Beliau setuju dengan penyerahan Sarawak dalam keadaan di mana dasar pentadbiran yang sedia ada dikekalkan dan hak-hak Bumiputera diambil kira.²⁸ Selain itu, terdapat juga pemimpin Dayak dan Bumiputera lain yang memerlukan lebih banyak masa untuk mempertimbangkan perkara tentang penyerahan Sarawak tersebut, tetapi akhirnya mereka mengikut keputusan Raja Brooke sebagai tanda menghormati raja mereka. Terdapat juga orang Iban dan kumpulan Bumiputera lain yang secara terang-terangan menyokong penyerahan Sarawak memandangkan ia adalah hasrat raja, asalkan dipastikan hak-hak seperti adat tradisi lama penduduk tempatan dipelihara.²⁹ Dengan itu, dapat dilihat isu penyerahan Sarawak tidaklah mendapat bantahan daripada keseluruhan penduduk Sarawak, malahan terdapat penduduk yang bersetuju dengan penyerahan Sarawak kepada kerajaan British. Melalui isu penyerahan Sarawak ini, adalah jelas bahawa kesedaran politik sedang memuncak dalam kalangan penduduk Melayu di samping penduduk Bumiputera lain. Mereka sudah mula memikirkan masa depan politik negeri secara serius.

Kemuncak gerakan antipenyerahan di Sarawak berlaku pada 3 Disember 1949 apabila Gabenor British kedua, Sir Duncan Stewart dibunuh oleh Rosli Dhoby di Sibu. Pakatan pembunuhan itu dirancang oleh Rukun Tigabelas yang merupakan satu pakatan sulit di bawah PPM. Rukun Tigabelas yang diketuai Awang Rambli adalah dibentuk oleh sekumpulan 13 orang anak muda Melayu berpendidikan yang sanggup mengorbankan jiwa raga demi membebaskan Sarawak daripada dicengkam penjajah. Mereka merancang untuk membunuh Gabenor, pegawai British dan Datu-Datu Melayu yang pro-penyerahan.³⁰ Hasrat Rukun Tigabelas tercapai apabila Sir Duncan Stewart tiba di Sibu pada 3 Disember 1949. Akibat peristiwa pembunuhan gabenor itu, tindakan tegas diambil oleh kerajaan British untuk menekan golongan antipenyerahan. Kerajaan menahan dan menjatuhkan hukuman ke atas mereka yang terlibat dalam pakatan pembunuhan itu. Pejabat PPM dan cawangannya digeledah serta dokumennya dirampas. Dengan adanya tindakan keras daripada pihak kerajaan, akhirnya gerakan antipenyerahan berhenti pada tahun 1951.³¹ Meskipun golongan antipenyerahan tidak dapat mengubah keputusan pihak British, namun melalui gerakan penentangan mereka menunjukkan kesedaran politik orang Melayu telah mencapai kemuncak. Walaupun gerakan antipenyerahan tidak berjaya mencapai matlamatnya tetapi perjuangan golongan antipenyerahan untuk mendapatkan kerajaan sendiri bagi negeri Sarawak tidak terhenti di situ sahaja. Malahan kesedaran politik dan semangat perjuangan penduduk Sarawak itu kemudian diteruskan serta diterjemahkan dalam gerakan parti politik pada lewat tahun 1950-an dan awal 1960-an. Dalam perkembangan itu, orang Melayu turut terlibat dalam menubuhkan parti politik bagi memperjuangkan dan memelihara kepentingan kaum serta negeri Sarawak.

Gerakan Politik Berparti dan Kemerdekaan Sarawak

Selepas berakhirnya gerakan antipenyerahan, pihak British sedar bahawa sudah wujud kesedaran dalam kalangan penduduk negeri Sarawak untuk mengambil bahagian dalam

politik tempatan. Dengan itu, pihak British mula menjalankan beberapa langkah persediaan untuk memberikan taraf berkerajaan sendiri dan selepas itu kemerdekaan kepada Sarawak. Selaras itu, pada 4 November 1956, pihak British mengadakan pilihan raya peringkat tempatan bagi *Kuching Municipal Council* (KMC). Pada tahun berikutnya, pilihan raya diadakan bagi *Sibu Urban District Council* (SUDC). Pilihan raya umum yang pertama bagi seluruh negeri Sarawak diadakan pada tahun 1959.

Dalam pilihan raya tempatan pertama di Sarawak untuk memilih ahli *Kuching Municipal Council* (KMC) pada November 1956, Kuching dibahagikan kepada sembilan kawasan (*ward*). Orang Melayu berjaya menguasai dua kawasan iaitu Datu dan Mosque yang majoriti penduduknya adalah orang Melayu. Tiga orang wakil mereka yang terpilih ialah Dawi bin Abdul Rahman, Mohamad bin Haji Bakri dan Ikwan bin Zainie bagi kawasan Datu serta tiga anggota bagi kawasan Mosque, iaitu Haji Su'ut Tahir, Ahmad Zaidi Adruce dan Haji Mohamad Rambli bin Haji Leman. Sementara itu, tujuh lagi kawasan didominasi oleh orang Cina yang berjumlah seramai 21 orang.³² Keadaan ini menunjukkan walaupun orang Cina menguasai keanggotaan KMC tetapi terdapat penglibatan orang Melayu dalam mengendalikan urusan kemasyarakatan dan pentadbiran tempatan di dua kawasan penduduk Melayu (Datu dan Mosque). Pada tahun berikutnya, pilihan raya tempatan pula diadakan untuk *Sibu Urban District Council* (SUDC). Selaras itu, Sibu dibahagikan kepada sembilan kawasan dan calon Melayu dapat menguasai satu kawasan iaitu *Upper Kampongs*. Dua wakil orang Melayu yang terpilih untuk *Upper Kampongs* ialah Abang Haji Abdul Razak dan Abang Kiprawi bin Datu Abang Yan.³³ Penglibatan orang Melayu dalam pentadbiran tempatan ini dapat meningkatkan pengalaman dan kesedaran politik mereka terhadap selok-belok pentadbiran kawasan dan negeri mereka. Pengalaman politik yang diperolehi juga menggerakkan pemimpin Melayu untuk mengambil bahagian dengan lebih aktif dalam pilihan raya umum pertama di Sarawak.

Berikutan perkembangan politik di Sarawak, orang Cina yang berpendidikan Cina dan Inggeris di Kuching bersama-sama dengan golongan peniaga, pemimpin masyarakat serta pemimpin kaum Bumiputera menubuhkan parti politik yang pertama di negeri Sarawak, iaitu *Sarawak United People's Party* (SUPP). SUPP didaftarkan pada 12 Jun 1959. SUPP diketuai oleh Ong Kee Hui dengan tiga orang Timbalan Pengerusi, iaitu Jonathan Bangau anak Renang, Francis Umpi Rantai dan seorang berketurunan Melayu, Wan Abdul Rahman, manakala Stephen Yong sebagai Setiausaha parti. Parti politik ini cenderung untuk menyatukan seluruh penduduk Sarawak bagi mewujudkan suasana harmoni supaya dapat membentuk satu unit politik yang besar dan kukuh.³⁴ Dengan kewujudan SUPP menunjukkan kesedaran berpolitik lahir dalam kalangan penduduk termasuk orang Melayu bagi membentuk parti politik berbilang kaum yang pertama di Sarawak.

Bagaimanapun, memandangkan SUPP lebih didominasi oleh orang Cina dan lebih popular dalam kalangan orang Cina, timbul kebimbangan tentang kemungkinan penguasaan orang Cina dalam politik negeri Sarawak. Keadaan ini membawa kepada penubuhan Parti Negara Sarawak (PANAS) oleh orang Melayu. Parti PANAS ditubuhkan pada 9 April 1960 dan diketuai oleh Datu Bandar Abang Haji Mustapha. Bagi pentadbiran British di Sarawak, penubuhan PANAS adalah satu parti sayap kanan yang mampu mengimbangkan pengaruh SUPP dalam politik Sarawak.³⁵ Parti ini mendapat sokongan yang memberangsangkan daripada penduduk Sarawak. Setahun selepas penubuhannya, PANAS mempunyai ahli seramai 25,000 orang.³⁶ Parti PANAS diasaskan oleh golongan yang menyokong penyerahan Sarawak kepada British pada tahun 1940-an. Dalam satu pernyataan tentang objektif parti, Datu Bandar Abang Haji Mustapha menyatakan tujuan penubuhan PANAS adalah

“to protect, safeguard, support, foster and promote the political, educational, religious, economic, social and cultural interests of indigenous people of Sarawak particularly and of the Ra’ayat of Sarawak generally.”³⁷ Pada umumnya, matlamat penubuhan PANAS adalah untuk membela nasib kaum Bumiputera Sarawak, khususnya dan penduduk Sarawak amnya. Sebagai sebuah parti yang berkonsepkan perpaduan untuk semua kaum di negeri Sarawak ketika penubuhannya, ahli Jawatankuasa Pusat parti PANAS yang pertama adalah terdiri daripada berbilang kaum. Datu Bandar Abang Haji Mustapha sebagai Pengeursi, William Tan, Edward Jerah dan Austin Jaga sebagai Timbalan Pengerusi, Abang Othman bin Abang Haji Moasili sebagai Setiausaha, Lo Foot Kea, Andrew Jika Landau sebagai Timbalan Setiausaha, Tan Tsak Yu dan Leong Ho Yuen sebagai Bendahari dan Timbalan, dengan 10 orang ahli jawatankuasa lain daripada berbilang kaum. Dapat dilihat Jawatankuasa Pusat Parti PANAS dianggotai oleh orang Melayu, Cina dan Dayak. Keahliannya juga terbuka kepada semua rakyat Sarawak dan juga mereka yang dilahirkan di luar Sarawak tetapi telah menetap di negeri ini sekurang-kurangnya selama 15 tahun.³⁸ Namun begitu, parti PANAS lebih condong kepada memperjuangkan kepentingan kaum Melayu dan hampir kesemua sokongannya datang daripada masyarakat Melayu khususnya dari Bahagian Pertama Sarawak. Justeru, lama-kelamaan parti ini menjadi sebuah parti Melayu di Sarawak. Keadaan ini juga didorong oleh kemunculan parti-parti politik oleh kaum lain di Sarawak pada ketika itu yang menyebabkan penduduk lebih tertarik untuk menyertai parti kaumnya sendiri.

Selain parti PANAS, orang Melayu juga menubuhkan Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA) selepas pengumuman gagasan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman di Singapura pada Mei 1961. Parti BARJASA didaftarkan pada 2 Januari 1962. Parti BARJASA merupakan parti politik Melayu yang mempunyai pandangan yang berlainan dengan perjuangan PANAS. Dengan itu, perpecahan dalam kalangan orang Melayu semakin menyerlah dengan penubuhan BARJASA. Parti BARJASA mendapat sokongan daripada orang Melayu yang menentang penjajahan dan menyokong kemerdekaan Sarawak melalui rancangan Malaysia. Penubuhan BARJASA mengancam perpaduan orang Melayu kerana parti ini ditubuhkan oleh orang Melayu yang menolak kepimpinan Datu Bandar Abang Haji Mustapha dalam parti PANAS. Parti BARJASA dipimpin oleh Dato Tuanku Haji Bujang bin Tuanku Othman, seorang pemimpin tradisional Melayu dari Sibu.³⁹ Abang Han sebagai Ketua Publisiti dan Setiausaha BARJASA pada tahun 1963. BARJASA mempunyai slogan perjuangannya yang tersendiri iaitu “Mansang Berkorban”, bermaksud “bergerak ke hadapan dan sanggup berkorban demi kepentingan kaum Bumiputera Islam Sarawak”.⁴⁰ Slogan ini dengan jelas menggambarkan tujuan penubuhan dan perjuangan parti BARJASA. Ia juga menunjukkan kesedaran politik yang semakin meningkat dan jelas dalam kalangan orang Melayu untuk memajukan serta mempertahankan kepentingan masyarakat Islam di Sarawak.

Jika dilihat Jawatankuasa Pusat BARJASA, kebanyakan mereka yang berjawatan penting dalam parti ialah golongan berpendidikan agama. Tokoh seperti Haji Su’ut bin Tahir, Ustaz Mohammad Mortadza bin Haji Daud, Ustaz Abdul Kadir bin Hassan dan Haji Busrah bin Osman merupakan tokoh agama yang berpengaruh di Sarawak. Terdapat juga golongan intelek yang menggerakkan parti BARJASA pada ketika itu seperti Abdul Rahman Ya’kub dan Abdul Taib Mahmud yang mempunyai kelulusan dalam bidang undang-undang. Pemimpin lain dalam parti BARJASA termasuklah dua orang penentang penyerahan Sarawak iaitu Che Ajibah binti Abol dan Annie bin Dhoby.⁴¹

Apabila orang Dayak melihat orang Cina dan Melayu telah membentuk parti politik bagi memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing, mereka juga mengambil inisiatif untuk membentuk parti mereka. Dengan itu, pada 10 April 1961, *Sarawak National Party*

(SNAP) ditubuhkan oleh kaum Iban Bahagian Kedua (berpusat di Saribas) di bawah pimpinan Stephen Kalong Ningkan.⁴² Seterusnya pada Ogos 1962, orang Dayak menubuhkan sebuah lagi parti politik iaitu Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA). Ia ditubuhkan oleh orang Dayak yang tidak menyokong parti SNAP. PESAKA dibentuk untuk memperjuangkan kepentingan kaum Dayak, khususnya di Bahagian Ketiga Sarawak dengan dipimpin oleh Temenggung Jugah.⁴³ Sementara itu, orang Cina yang tidak sehaluan dengan perjuangan parti SUPP pula membentuk *Sarawak Chinese Association* (SCA) pada Julai 1962. Pengasasnya terdiri daripada kumpulan perniagaan Cina, iaitu komuniti Teochew dari Kuching dan komuniti Foochow dari Sibu. Tujuan utama SCA ialah mendekati negeri Sarawak kepada kemerdekaan melalui Persekutuan Malaysia.⁴⁴ Perjuangan parti ini berlainan dengan parti SUPP yang tidak setuju Sarawak berada dalam Persekutuan Malaysia. Parti SUPP inginkan Sarawak mencapai kemerdekaan dan berkerajaan sendiri sebelum berada dalam Persekutuan Malaysia.

Menjelang proses ke arah pembentukan Malaysia, setiap kaum yang penting di Sarawak telah diwakili oleh parti masing-masing. Orang Melayu pada ketika itu diwakili oleh dua buah parti politik iaitu PANAS dan BARJASA. Namun kedua-dua parti Melayu tidak mencapai kata sepakat dalam kerjasama perjuangan mereka. PANAS tidak setuju terhadap penubuhan BARJASA kerana ia dilihat boleh mencabar kewibawaan Abang Haji Mustapha sebagai pemimpin Melayu di Sarawak.⁴⁵ Bagaimanapun, pihak penjajah dan pemimpin parti politik di Sarawak sedar bahawa parti SUPP yang amat berpengaruh dalam kalangan orang Cina dikhuatiri dapat memenangi sokongan yang ramai serta mengalahkan parti lain. Dengan itu, lahirlah kesedaran dalam kalangan pemimpin parti politik untuk bersatu di bawah satu perikatan bagi menandingi pengaruh parti SUPP secara kolektif. Akhirnya parti PANAS, BARJASA, SNAP, PESAKA dan SCA bersetuju membentuk satu pakatan yang dikenali sebagai *Sarawak Alliance Party* (SAP) atau Parti Perikatan Sarawak pada Oktober 1962.⁴⁶ Pakatan ini menunjukkan kelima-lima buah parti politik ini mencapai persetujuan dalam memperjuangkan kemerdekaan negeri Sarawak melalui pembentukan Malaysia. Dengan itu, pandangan, kehendak dan kepentingan setiap kaum utama di Sarawak dapat disuarakan oleh parti politik yang mewakili mereka dalam proses pembentukan kerajaan Sarawak selepas merdeka. Namun begitu, PANAS tidak puas hati dengan pembahagian anggota dalam jawatankuasa SAP di mana PANAS hanya memperoleh dua orang anggota daripada jumlah 26 orang anggota jawatankuasa SAP. Dengan itu, PANAS bertindak keluar dari SAP pada 15 April 1963.⁴⁷ Dalam perkembangan politik ini, jelas bahawa orang Melayu melalui parti PANAS dan BARJASA turut mengambil bahagian secara aktif dalam memastikan kepentingan dan kedudukan kumpulan orang Melayu yang diwakilinya terus diperkukuhkan serta dipertahankan dalam perkembangan politik di Sarawak serta Malaysia.

Dalam perkembangan tersebut, PANAS sebagai parti politik yang mewakili orang Melayu di Sarawak menyatakan sokongan terhadap rancangan Malaysia. Ini disebabkan parti PANAS percaya bahawa dengan adanya hubungan budaya, ekonomi dan sejarah yang wujud di antara Sarawak dengan Tanah Melayu, pelaksanaan rancangan Malaysia tidak akan menimbulkan banyak masalah.⁴⁸ Begitu juga parti BARJASA turut menyokong rancangan Malaysia kerana rancangan politik ini dilihat dapat membawa kemerdekaan kepada Sarawak, namun pada masa yang sama parti ini juga menekankan kepentingan kaum Bumiputera Sarawak harus dilindungi di dalam Malaysia. Ini termasuk dalam soal bantuan biasiswa pelajaran, peluang kerja dalam perkhidmatan awam dan bantuan untuk mereka mengambil bahagian dalam sektor ekonomi termasuk perniagaan.⁴⁹ Melalui pendirian dan perjuangan parti PANAS serta BARJASA dalam politik Sarawak di atas adalah jelas bahawa penglibatan orang Melayu yang begitu menggalakkan dalam proses perjuangan ke arah berkerajaan

sendiri dan kemerdekaan bagi bangsa serta negeri mereka. Dengan itu juga, tidak dapat dinafikan kesedaran politik dan gerakan politik berparti serta gerakan berkerajaan sendiri untuk Sarawak adalah jelas ternampak dalam kalangan orang Melayu.

Dalam pilihan raya tahun 1963, isu utama yang digunakan oleh SAP ialah soal rancangan Malaysia. SAP sebagai penyokong penubuhan Persekutuan Malaysia berdepan dengan parti SUPP yang membantah rancangan Malaysia. Bagi SUPP, rancangan Malaysia adalah satu bentuk kolonialisme yang baharu dan sukar diterima.⁵⁰ Menjelang pilihan raya pula parti PANAS bertindak keluar dari SAP kerana tidak mencapai kesepakatan dengan komponen parti lain dalam SAP. PANAS kemudian bertanding sebagai parti pembangkang dalam pilihan raya tersebut. Pilihan raya akhirnya dimenangi oleh SAP di seluruh negeri Sarawak. Daripada 429 kerusi dalam Majlis Daerah, SAP menguasai 138, PANAS 59, SUPP 116 dan calon bebas 116 kerusi. Akhirnya sejumlah 26 orang wakil SAP berjaya dilantik ke Majlis Negri Sarawak, iaitu 11 PESAKA, 6 SNAP, 6 BARJASA dan 3 SCA.⁵¹ Hasil daripada pilihan raya itu, SAP berjaya menguasai kabinet kerajaan Sarawak yang pertama. Di sini dapat dilihat kesedaran ke arah berkerajaan sendiri dan kemerdekaan yang membawa kepada parti-parti politik pro Malaysia bergabung membentuk SAP serta akhirnya mereka membentuk kerajaan Sarawak selepas Persekutuan Malaysia dibentuk. Dengan itu, dapat dilihat bahawa setiap kaum sedar keperluan mempunyai tempat dalam perkembangan politik di negeri mereka. Ini ialah supaya tidak ada kaum yang akan diketepikan dalam proses politik yang berlaku.

Akhirnya melalui usaha pemimpin Persekutuan Tanah Melayu, Singapura dan British telah berjaya meyakinkan para pemimpin Sarawak (kecuali SUPP) tentang kepentingan serta keperluan rancangan Malaysia melalui beberapa peringkat perjumpaan dan perundingan. Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (*Malaysian Solidarity Consultative Committee/MSCC*), Suruhanjaya Cobbold dan Jawatankuasa Antara Kerajaan (*Inter-Governmental Committee/IGC*) memainkan peranan penting dalam menyedarkan para pemimpin di Borneo (Sarawak dan Sabah) bahawa pembentukan Malaysia adalah untuk tujuan kemajuan Sarawak dan Sabah bersama-sama dengan Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura.⁵² Berikutnya, satu perjanjian ditandatangani di London pada 9 Julai 1963 di antara wakil Britain, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura. Dua orang pemimpin Melayu yang mewakili Sarawak dalam menurunkan tandatangan mereka ialah Abang Haji Mustapha dan Abang Haji Openg bersama-sama dengan tiga wakil yang lain, P.E.H. Pike, Temenggung Jugah dan Ling Beng Siew.⁵³ Perkembangan ini sekali lagi jelas menunjukkan kepentingan peranan dan penglibatan pemimpin Melayu dalam kemajuan politik di Sarawak. Berikutnya pada 16 September 1963, Sarawak bersama-sama dengan Sabah mencapai kebebasan daripada penjajahan British dan memperolehi kemerdekaan. Sejak dari tarikh itu, Sarawak menjadi sebahagian daripada negara Malaysia. Seorang pemimpin Melayu iaitu Tun Datuk Abang Haji Openg bin Abang Sapiee diberi kepercayaan untuk menjadi ketua negeri Sarawak yang pertama selepas Sarawak mencapai kemerdekaan.

Dari gerakan berpolitik sehingga perjuangan berkerajaan sendiri dan kemerdekaan di Sarawak, tidak dapat dinafikan pemimpin tempatan, parti politik dan penduduk Sarawak telah memainkan peranan yang begitu penting. Ini kerana pemimpin Melayu dan parti Melayu serta penduduk Melayu di Sarawak umumnya yang telah menunjukkan kesedaran kebangsaan dan seterusnya kesedaran politik yang semakin hari semakin meningkat sehingga akhirnya berjaya membebaskan negeri mereka daripada penjajahan British. Secara keseluruhan, perbincangan di dalam makalah ini juga menunjukkan bahawa kesedaran dalam kalangan orang Melayu semakin berkembang mengikut arus perkembangan yang berlaku di Sarawak dari tahun 1830-an sehingga 1963. Transformasi kesedaran berlaku dalam kalangan orang Melayu iaitu dari kesedaran kebangsaan kepada kesedaran politik di

Sarawak. Dengan itu, pengaruh orang Melayu adalah amat penting dalam menggerakkan kemajuan politik sehingga pencapaian kemerdekaan Sarawak. Keadaan itu seterusnya membolehkan orang Melayu menerajui politik dan pentadbiran di Sarawak sehingga kini.

Kesimpulan

Konklusinya, sejarah perkembangan kesedaran kebangsaan dan politik dalam kalangan penduduk Melayu di Sarawak dari tahun 1830-an sehingga 1963 adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Ini termasuk keadaan semasa yang berlaku dalam negeri dan di kawasan sekitar Sarawak. Kemunculan kesedaran kebangsaan dalam kalangan penduduk Melayu di Sarawak bermula dengan gerakan penentangan terhadap wakil pemerintahan Brunei dan seterusnya pentadbiran Raja Brooke sejak pertengahan abad ke-19. Pada ketika itu, gerakan penentangan mereka lebih menjurus kepada mempertahankan kepentingan kaum demi kelangsungan hidup dan memelihara hak mereka sebagai penduduk Sarawak. Kesedaran kebangsaan ini menjadi semakin jelas apabila pengaruh idea reformis Islam dan penyebaran majalah serta akhbar dari Tanah Melayu ke Sarawak pada awal abad ke-20 serta penubuhan pertubuhan agama dan kesusasteraan di Sarawak. Seterusnya, pada tahun 1930, kesedaran kebangsaan dalam kalangan penduduk Melayu di Sarawak semakin meningkat berikutan kemunculan dan perjuangan akhbar *Fajar Sarawak*. Perkembangan itu akhirnya membawa kepada penubuhan PMS pada tahun 1939. Kesedaran dalam kalangan penduduk Sarawak itu seterusnya berkembang menjadi kesedaran politik dan bermulanya gerakan politik untuk memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing dalam perubahan politik di Sarawak. Perkataan “berkerajaan sendiri” telah muncul di negeri Sarawak ketika isu penyerahan negeri Sarawak kepada British pada tahun 1946. Ini membawa kepada berlakunya gerakan antipenyERAHAN yang disertai oleh orang Melayu dari PKMS dan persatuan Melayu lain serta segelintir orang Dayak dari SDA. Orang Melayu menjadi penggerak utama dalam usaha mempertahankan kemerdekaan Sarawak dengan melancarkan gerakan menentang penyerahan Sarawak kepada British. Gerakan politik di negeri Sarawak menjadi lebih rancak pada lewat 1950-an dan awal 1960-an apabila British memperkenalkan pilihan raya tempatan yang membawa kepada permulaan kegiatan politik berparti. Kegiatan menubuhkan parti politik semakin giat berikutan pengumuman gagasan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman yang akhirnya membawa kepada pembebasan Sarawak daripada penjajahan British. Kesedaran kebangsaan dalam kalangan penduduk Melayu dan pemimpin tempatan adalah menjadi asas utama kepada gerakan penentangan terhadap pihak pentadbiran penjajahan serta seterusnya gerakan politik sehingga perjuangan untuk mencapai kemerdekaan Sarawak. Semangat perjuangan yang gigih dan tekal dalam kalangan penduduk Melayu akhirnya membolehkan Sarawak bebas daripada penjajahan serta memperoleh kemerdekaan pada 16 September 1963. Secara keseluruhannya, tidak dapat dinafikan bahawa orang Melayu bersama-sama dengan kaum lain di Sarawak telah memainkan peranan yang penting dalam kemajuan politik dan perjuangan kemerdekaan negeri Sarawak. Dalam sepanjang perkembangan politik di Sarawak sebagaimana yang dibincang di atas, jelas dapat dilihat telah berlaku transformasi kesedaran dalam kalangan orang Melayu iaitu dari kesedaran kebangsaan kepada kesedaran politik dan gerakan politik.

Nota

¹ L.W. Jones, *The Population of Borneo*, University of London, The Athlone Press, London, 1966, hlm. 63; *Sarawak Annual Report 1962*, Government Printing Office, Kuching, 1963, hlm. 11. L.W. Jones, *Report on the Census of Population Taken on 15 June 1960*, Government Printing Office, Kuching, 1962, hlm. 55.

² Lee Yong Leng, *Population and Settlement in Sarawak*, Asia Pacific Press, Singapore, 1970, hlm. 54-55. Tom Harrisson, "The Malays of South-West Sarawak Before Malaysia," In *Sarawak Museum Journal* 11, July/Dec. 1964, hlm. 349.

³ Sanib Said, *Politik Melayu Di Sarawak 1946-1966, Bersatu ke Mercu Kuasa*, Sanib Said, Kuching, 2015, hlm. 10. Dalam buku Sanib Said, *Melayu Sarawak Sejarah Yang Hilang*, Penerbit Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, 2013, dinyatakan sejarah Melayu dan Sarawak awal dapat diketahui lebih lanjut melalui manuskrip Jawi-Melayu seperti *Silsilah Raja-raja Brunei*, manuskrip *Rangau*, *Syair Awang Sama'un*, *Syair Tarsilah Cetera Dato' Gudam dan Temenggong Kadir Negeri Saribas*, *Hikayat Datuk Merpati* serta novel *Melati Sarawak*.

⁴ Keterangan lanjut tentang asal-usul orang Melayu Sarawak, lihat Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak Di Bawah Penjajahan British 1946-1963*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2014, hlm. 8-12.

⁵ Alice Yen Ho, *Old Kuching*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 2.

⁶ Ibid.; James Jackson, *Sarawak: Satu Kajian Ilmu Alam tentang Sebuah Negeri yang sedang Membangun*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1976, hlm. 40.

⁷ Sanib Said, *Politik Melayu Di Sarawak 1946-1966*, 2015, hlm. 14.

⁸ Vernon Mullen, *The Story of Sarawak*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1950, hlm. 39-41. Steven Runciman, *The White Rajahs: A History of Sarawak from 1841 to 1946*, Cambridge University Press, Cambridge, 1960, hlm. 57-63.

⁹ Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966: The Search for Unity and Political Ascendancy*, Oxford University Press, Singapore, 1985, hlm. 13-15. Colin N. Crisswell, *Rajah Charles Brooke: Monarch of All He Surveyed*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1983, hlm. 63-66. Lihat juga Sabihah bt. Osman, "Keadaan Masyarakat Bumiputera Sarawak Pada Abad Kelapan Belas dan Awal Abad Kesembilan Belas: Satu Tinjauan Sejarah," In *Malaysia in History* 15, no. 2, December 1972, hlm. 11-12. Mohd Isa Othman, *Gerakan Protes Dalam Perspektif Sejarah Malaysia Pada Abad Ke-19 dan Awal Abad Ke-20*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1999, hlm. 116-117.

¹⁰ Suffian Mansor & Awang Azman Awang Pawi, "Peradaban Melayu Sarawak Dalam Konteks Nusantara," In *Jurnal Melayu Sedunia* 2, issue 1, 2019, hlm. 281.

¹¹ Ooi Keat Gin, *World Beyond The Rivers: Education in Sarawak from Brooke Rule to Colonial Office Administration 1841-1963*, University of Hull, England, 1996, hlm. 41-49. Syed Idrus Ahmad dan R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 45-49. Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak, 1841-1941*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 46-48. Sabihah Osman, "Pemerintahan Brooke dan Pelajaran Bumiputera di Sarawak," In *Jebat-Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 1, 1971/72, hlm. 66-68.

¹² Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*, 1990, hlm. 141. Ho Hui Ling, "Kemunculan Kesedaran Kebangsaan, Politik dan Kemerdekaan di Negeri Sabah dan Sarawak: Satu Tinjauan," In *Purba-Jurnal Persatuan Muzium Malaysia* 27, 2008, hlm. 95.

¹³ Ia merupakan akhbar dalam tulisan Jawi. Keluaran *Fajar Sarawak* meliputi 1 Februari 1930 hingga 16 Jun 1930.

¹⁴ Rujuk Nordi Achie, *Akhbar Melayu Perjuangan di Sarawak*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003, hlm. 109-154. Selepas *Fajar Sarawak*, diterbitkan *Utusan ASAS* pada 10 Oktober 1947 dan seterusnya *Utusan Sarawak* pada 16 Januari 1949.

¹⁵ Haji Mohd. Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak: Peranan Utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak*, Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, Kuching, 1989, hlm. 32.

¹⁶ Ibid., hlm. 30-31.

¹⁷ Ibid., hlm. 33.

Transformasi Orang Melayu di Sarawak, 1830-an sehingga 1963

- ¹⁸ Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, 1985, hlm. 30. Haji Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, 1989, hlm. 38-39.
- ¹⁹ CO 802/7, Report of The Proceedings of The Council Negri, 21st, 22nd and 23rd Nov. 1949, Government Printer, Kuching, 1950, hlm. 3.
- ²⁰ Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 61. Lihat juga R.H.W. Reece, *The Name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 246.
- ²¹ Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, 1997, hlm. 63.
- ²² Michael Leigh, *The Rising Moon: Political Change in Sarawak 1959-1972*, Second Edition. Strategic Information and Research Development Centre, Petaling Jaya, 2018, hlm. 30.
- ²³ SDA ditubuhkan pada 26 Februari 1946 sebagai sebuah pertubuhan sosial dengan tujuannya untuk menyatupadukan berbagai-bagai suku kaum Iban dengan Bidayuh dan menekankan kemajuan sosioekonomi masyarakat peribumi. Namun, pada Disember 1947, SDA menambahkan unsur “politik” dalam perjuangannya apabila SDA juga tidak setuju dengan penyerahan Sarawak kepada British. Ho Hui Ling, “Gerakan Antipenyerahan di Sarawak, 1946-1949: Penentangan Orang Melayu Terhadap Penjajah British,” In *Journal of Al-Tamaddun* 14, no. 1, 2019, hlm. 81. *The Sarawak Gazette*, 30 April 1976, hlm. 76.
- ²⁴ Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, 1985, hlm. 55; Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, 1997, hlm. 54.
- ²⁵ *The Sarawak Gazette*, 7 February 1950, hlm. 27-31. “Nine more detained in Sarawak,” *The Straits Times*, 8 December 1949, hlm. 1. Lihat juga R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, 1982, hlm. 215; Bob Reece, *Datu Bandar Abang Haji Mustapha of Sarawak: Some Reflections of his Life and Times*, Literary Society, Kuala Lumpur, n.d., hlm. 111.
- ²⁶ Jeniri Amir, *Rosli Dhoby Merdeka Dengan Darah*, JENZA Enterprise, Kuching, 2013, hlm. 36.
- ²⁷ *The Sarawak Gazette*, 30 April 1976, hlm. 76. Rujuk juga Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, 1985, hlm. 49; Suffian Mansur, “Sayap Garuda in Sarawak and Sabah after the Second World War until the 1950s,” In *Indonesian Historical Studies* 3, no. 2, 2019, hlm. 111.
- ²⁸ *The Sarawak Gazette*, 2 September 1946, hlm. 13; Bob Reece, *Datu Bandar Abang Haji Mustapha of Sarawak*, n.d., hlm. 95-96.
- ²⁹ Ho Hui Ling, “Penyerahan Sarawak Kepada Kerajaan British, 1946-1951,” In *Malaysia dari segi Sejarah* 29, 2001, hlm. 61.
- ³⁰ Jeniri Amir, *Rosli Dhoby Merdeka Dengan Darah*, 2013, hlm. 39.
- ³¹ Haji Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, 1989, hlm. 130-131.
- ³² Ho Hui Ling, *Politik Orang Cina di Sarawak, 1941-1963*, Disertasi Sarjana Sastera, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1998, hlm. 204.
- ³³ *Ibid.*, hlm. 384. Lihat juga *The Sarawak Government Gazette Extraordinary*, Part IV, Vol. XII, No. 27, 31 December 1957, hlm. 215.
- ³⁴ Maklumat lanjut tentang SUPP, rujuk Ho Hui Ling, “Pertubuhan-pertubuhan Sosiopolitik di Sarawak, tahun 1946-1963,” In *Malaysia dari segi Sejarah* 28, 2000, hlm. 95-103. Michael Leigh, *The Rising Moon*, 2018, hlm. 8-20. Lihat juga Ho Hui Ling, “Ong Kee Hui: Peranan dan Sumbangan Dalam Politik Sarawak/Malaysia,” In *Purba-Jurnal Persatuan Muzium Malaysia* 20, 2001, hlm. 90-99.
- ³⁵ Suffian Mansor, “Kemunculan dan Peranan Parti Negara Sarawak (PANAS) dalam Politik Sarawak Menjelang Pembentukan Malaysia (1960-1963),” In *Akademika* 91, no. 3, 2021, hlm. 118-119.
- ³⁶ *Ibid.*, hlm. 121.
- ³⁷ Michael Leigh, *The Rising Moon*, 2018, hlm. 27.
- ³⁸ Ho Hui Ling, “Pertubuhan-pertubuhan Sosiopolitik di Sarawak, tahun 1946-1963,” 2000, hlm. 84-86.
- ³⁹ *Ibid.*, hlm. 88-91. Michael Leigh, *The Rising Moon*, 2018, hlm. 28-32.
- ⁴⁰ Ahmad Nidzammuddin Sulaiman et al., *Politik Sarawak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 29 dan 65.
- ⁴¹ *The Sarawak Gazette*, December 1992, hlm. 8. Lihat juga Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, 1997, hlm. 69. Ahmad Nidzammuddin Sulaiman et al., *Politik Sarawak*, 1994, hlm. 29. Michael Leigh, *The Rising Moon*, 2018, hlm. 31.

- ⁴² FCO 24/1443, Political Situation in East Malaysia, 1972, hlm. 3. Maklumat lanjut, rujuk Ho Hui Ling, "Pertubuhan-pertubuhan Sosiopolitik di Sarawak, tahun 1946-1963," 2001, hlm. 108-111. Michael Leigh, *The Rising Moon*, 2018, hlm. 32-35.
- ⁴³ FCO 24/1443, Political Situation in East Malaysia, 1972, hlm. 4.
- ⁴⁴ CO 1030/1105, Sarawak Monthly Intelligence Report July 1962, hlm. 31. Lihat juga Ho Hui Ling, "Persatuan Cina Sarawak (Sarawak Chinese Association/SCA), 1962-1974," In *Purba-Jurnal Persatuan Muzium Malaysia* 21, 2002, hlm. 120-142.
- ⁴⁵ Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, 1985, hlm. 91.
- ⁴⁶ Keterangan lanjut, sila rujuk Ho Hui Ling (2001), "Pertubuhan-pertubuhan Sosiopolitik di Sarawak, tahun 1946-1963," 2001, hlm. 113-116. Michael Leigh, *The Rising Moon*, 2018, hlm. 52-56.
- ⁴⁷ James P. Ongkili, *Modernization in East Malaysia 1960-1970*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 59.
- ⁴⁸ Ibid., hlm. 46. Margaret Clark Roff, *The Politics of Belonging: Political Change in Sabah and Sarawak*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 66.
- ⁴⁹ James P. Ongkili, *Modernization in East Malaysia 1960-1970*, 1972, hlm. 47.
- ⁵⁰ Habid's Buhigiba Bin Mohamad Bustamam, Suffian Mansor & Mohd Bin Samsudin, "Reaksi Masyarakat Limbang terhadap Rancangan Pembentukan Malaysia Melalui Siasatan Suruhanjaya Cobbold 1962," In *Akademika* 89, no. 1, April 2019, hlm. 166.
- ⁵¹ Margaret Clark Roff, *The Politics of Belonging*, 1974, hlm. 123-129.
- ⁵² Maklumat lanjut, lihat James P. Ongkili, *The Borneo Response to Malaysia 1961-1967*, Donald Moore Press, Singapore, 1967, hlm. 74-87. Mohd. Noor bin Abdullah, *Kemasukan Sabah dan Sarawak Ke Dalam Persekutuan Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 43-54. Rujuk juga Datuk Amar James Wong Kim Min, *The Birth of Malaysia*, Second Edition, Printed by Lee Ming Press Company, Kuching, January 1995.
- ⁵³ *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia: Old Treaties & Documents of Malaysia 1791-1965*, Institut Terjemahan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 2008, hlm. 101. Datuk Amar James Wong Kim Min, *The Birth of Malaysia*, 1995, hlm. 178-179.

Rujukan

- Ahmad Nidzammuddin Sulaiman et al. 1994. *Politik Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Annual Statistical Bulletin Sarawak 1972*. 1973. Kuching: Government Printing Office.
- Banci Perumahan dan Penduduk-Golongan Masyarakat Malaysia (1970)*. 1970. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- CO 802/7. 1950. Report of The Proceedings of the Council Negri, 21st, 22nd and 23rd Nov. 1949. Kuching: Government Printer. London: The National Archives.
- CO 1030/1105. 1962. Sarawak Monthly Intelligence Report July 1962. London: The National Archives, London.
- Crisswell, Colin N. 1983. *Rajah Charles Brooke: Monarch of All He Surveyed*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- FCO 24/1443. 1972. Political Situation in East Malaysia. 1972. London: The National Archives.
- Habid's Buhigiba Bin Mohamad Bustamam, Suffian Mansor & Mohd Bin Samsudin. 2019. "Reaksi Masyarakat Limbang terhadap Rancangan Pembentukan Malaysia Melalui Siasatan Suruhanjaya Cobbold 1962," *Akademika* 89, no. 1: 161-173.
- Hashim Fauzy Yaacob. 2014. *Kedudukan Orang Melayu Sarawak Di Bawah Penjajahan British 1946-1963*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ho, Hui Ling. 1998. *Politik Orang Cina di Sarawak, 1941-1963*. Disertasi Sarjana Sastera. Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya.

Transformasi Orang Melayu di Sarawak, 1830-an sehingga 1963

- Ho, Hui Ling. 2000. "Pertubuhan-pertubuhan Sosiopolitik di Sarawak, tahun 1946-1963," *Malaysia dari segi Sejarah* 28: 72-117.
- Ho, Hui Ling. 2001. "Ong Kee Hui: Peranan dan Sumbangan Dalam Politik Sarawak/Malaysia," *Purba-Jurnal Persatuan Muzium Malaysia* 20: 86-102.
- Ho, Hui Ling. 2001. "Penyerahan Sarawak Kepada Kerajaan British, 1946-1951," *Malaysia dari segi Sejarah* 29: 43-73.
- Ho, Hui Ling. 2002. "Persatuan Cina Sarawak (Sarawak Chinese Association/SCA), 1962-1974," *Purba-Jurnal Persatuan Muzium Malaysia* 21: 120-142.
- Ho, Hui Ling. 2008. "Kemunculan Kesedaran Kebangsaan, Politik dan Kemerdekaan di Negeri Sabah dan Sarawak: Satu Tinjauan," *Purba-Jurnal Persatuan Muzium Malaysia* 27: 92-107.
- Ho, Hui Ling. 2019. "Gerakan Antipenyerahan di Sarawak, 1946-1949: Penentangan Orang Melayu Terhadap Penjajah British," *Journal of Al-Tamaddun* 14, no. 1: 73-88.
- Jackson, James. 1976. *Sarawak: Satu Kajian Ilmu Alam tentang Sebuah Negeri yang sedang Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jeniri Amir. 2013. *Rosli Dhoby Merdeka Dengan Darah*. Kuching: JENZA Enterprise.
- Jones, L.W. 1962. *Report on the Census of Population Taken on 15 June 1960*. Kuching: Government Printing Office.
- Jones, L.W. 1966. *The Population of Borneo*. London: University of London. The Athlone Press.
- Lee, Yong Leng. 1970. *Population and Settlement in Sarawak*. Singapore: Asia Pacific Press.
- Leigh, Michael. 2018. *The Rising Moon: Political Change in Sarawak 1959-1972*. Second Edition. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Harrisson, Tom. 1964. "The Malays of South-West Sarawak Before Malaysia," *Sarawak Museum Journal* 11: 341-511.
- Haji Mohd. Hasbie Sulaiman. 1989. *Perjuangan Anti-Cession Sarawak: Peranan Utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak*. Kuching: Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak.
- Mohd Isa Othman. 1999. *Gerakan Protes Dalam Perspektif Sejarah Malaysia Pada Abad Ke-19 dan Awal Abad Ke-20*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd. Noor bin Abdullah. 1979. *Kemasukan Sabah dan Sarawak Ke Dalam Persekutuan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mullen, Vernon. 1950. *The Story of Sarawak*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Nordi Achie. 2003. *Akhbar Melayu Perjuangan di Sarawak*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ongkili, James P. 1967. *The Borneo Response to Malaysia 1961-1967*. Singapore: Donald Moore Press.
- Ongkili, James P. 1972. *Modernization in East Malaysia 1960-1970*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ooi, Keat Gin. 1996. *World Beyond The Rivers: Education in Sarawak from Brooke Rule to Colonial Office Administration 1841-1963*. England: University of Hull.
- Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia: Old Treaties & Documents of Malaysia 1791-1965*. 2008. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Porritt, Vernon L. 1997. *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Reece, Bob. n.d. *Datu Bandar Abang Haji Mustapha of Sarawak: Some Reflections of his Life and Times*. Kuala Lumpur: Literary Society.
- Reece, R.H.W. 1982. *The Name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

- Roff, Margaret Clark. 1974. *The Politics of Belonging: Political Change in Sabah and Sarawak*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Runciman, Steven. 1960. *The White Rajahs: A History of Sarawak from 1841 to 1946*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Sabihah Osman. 1990. "The Malay-Muslim Response to Cession of Sarawak to the British Crown 1946-1951," *Jebat-Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 18: 145-174.
- Sabihah bt. Osman. 1972. "Keadaan Masyarakat Bumiputera Sarawak Pada Abad Kelapan Belas dan Awal Abad Kesembilan Belas: Satu Tinjauan Sejarah," *Malaysia in History* 15, no. 2: 3-13.
- Sabihah Osman. 1971/72. "Pemerintahan Brooke dan Pelajaran Bumiputera di Sarawak," *Jebat-Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 1: 65-74.
- Sabihah Osman. 1990. *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak, 1841-1941*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sanib Said. 1985. *Malay Politics in Sarawak 1946-1966: The Search for Unity and Political Ascendancy*. Singapore: Oxford University Press.
- Sanib Said. 2013. *Melayu Sarawak Sejarah Yang Hilang*. Kota Samarahan: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.
- Sanib Said. 2015. *Politik Melayu Di Sarawak 1946-1966, Bersatu ke Mercu Kuasa*. Kuching: Sanib Said.
- Sarawak *Annual Report 1962*. 1963. Kuching: Government Printing Office.
- Suffian Mansor. 2021. "Kemunculan dan Peranan Parti Negara Sarawak (PANAS) dalam Politik Sarawak Menjelang Pembentukan Malaysia (1960-1963)," *Akademika* 91, no. 3: 117-129.
- Suffian Mansor. 2019. "Sayap Garuda in Sarawak and Sabah after the Second World War until the 1950s," *Indonesian Historical Studies* 3, no. 2: 107-115.
- Suffian Mansor & Awang Azman Awang Pawi. 2019. "Peradaban Melayu Sarawak Dalam Konteks Nusantara," *Jurnal Melayu Sedunia* 2, issue 1: 278-305.
- Syed Idrus Ahmad & R. Santhiram. 1990. *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- The Sarawak Gazette*. 2 September 1946, Arkib Negeri Sarawak, Kuching.
- The Sarawak Gazette*. 7 February 1950, Arkib Negeri Sarawak, Kuching.
- The Sarawak Gazette*. 30 April 1976, Arkib Negeri Sarawak, Kuching.
- The Sarawak Gazette*. December 1992, Arkib Negeri Sarawak, Kuching.
- The Sarawak Government Gazette Extraordinary*. 31 December 1957. Part IV, Vol. XII, No. 27, Arkib Negeri Sarawak, Kuching.
- Newspaper SG. 1949. "Nine more detained in Sarawak," *The Straits Times*, December 8. Accessed 22 July, 2024.
<https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/browse/1949/12>
- Newspaper SG. 1962. "Sarawak has new political party," *The Straits Times*, January 4. Accessed 22 July, 2024.
<https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/issue/straitstimes19620104-1>
- Wong, Kim Min & Datuk Amar James. 1995. *The Birth of Malaysia, A Reprint of The Report of The Commission of Enquiry, North Borneo and Sarawak, 1962 (Cobbold Report), The Report of The Inter-Governmental Committee, 1962 (I.G.C. Report) and The Agreement Concluded Between The United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland The Federation of Malaya, North Borneo, Sarawak and Singapore*. Second Edition. Kuching: Printed by Lee Ming Press Company.
- Yen Ho, Alice. 1998. *Old Kuching*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.